

15 bayi terima sumbangan Pahang Pride Kid 2023 daripada MB

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 25 Ogos 2023, 7:45 am



WAN ROSDY Wan Ismail (kanan) bertanyakan sesuatu kepada seorang wanita dan menyampaikan sumbangan Pahang Pride Kid 2023 di Hospital Lipis, Kuala Lipis baru-baru ini. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

SERAMAI 15 bayi yang baru lahir menerima sumbangan Pahang Pride Kid 2023 daripada Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di Hospital Lipis, Kuala Lipis baru-baru ini.

Wan Rosdy berkata, pada tahun ini kerajaan negeri menaikkan nilai sumbangan kepada RM300 bagi setiap kelahiran yang berupa pakej barang bayi bernilai RM50, simpanan tunai sebanyak RM100 dan gold bar Anak Kebanggaan Pahang bernilai RM150.

“Keseluruhan peruntukan Pahang Pride Kid berjumlah RM7.5 juta yang akan memberikan manfaat kepada seramai 25,000 kelahiran bayi di negeri ini,” katanya di Hospital Lipis, Kuala Lipis baru-baru ini. –UTUSAN